

KERTAS MODEL cakna PT3

KERTAS 1 - SET 1

Arahan: Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B serta **satu** soalan daripada Bahagian C.

BAHAGIAN A

[20 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

- Bantuan kewangan yang diberikan kepada mangsa banjir _____ dapat meringankan beban mereka yang mengalami kemusnahan harta benda.
 A seboleh-bolehnya C setidak-tidaknya
 B sebaik-baiknya D seelok-eloknya

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- Kakak masih tidur _____ di dalam bilik pada waktu malam yang dingin ini.
 A berkelubung C berceratak
 B berselimut D berselerak
- Ibu meminta abang berfikir _____ sebelum mengambil keputusan berhenti kerja untuk berhijrah ke bandar.
 A mentah-mentah C masak-masak
 B terang-terang D bulat-bulat
- “Janganlah kita lupa _____ masa kita susah dan menderita ketika zaman pendudukan Jepun dahulu,” ujar pejuang kemerdekaan itu ketika diminta menyampaikan ucapan sempena sambutan hari kemerdekaan yang lalu.
 A terhadap C pada
 B kepada D akan

10. Ibu bapa digalakkan banyak membuat tabungan untuk membiayai kos pendidikan anak-anak yang semakin meningkat.

- | | |
|--------------------------|---------------------------|
| A dibuat banyak tabungan | C membuat banyak tabungan |
| B tabungan banyak dibuat | D banyak membuat tabungan |

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

11. I Mak cik Ramlah gembira kerana anak tunggalnya beristerikan dengan wanita pilihannya.
 II Masyarakat perlu peka akan perubahan cuaca yang mendadak akhir-akhir ini oleh sebab perubahan monsun.
 III Pihak sekolah menghadiahkan tokoh nilam itu sebuah tablet kerana berjaya menjadi tokoh nilam peringkat negeri.
 IV Gadis ayu yang berkebaya biru itu anak siapa?

- | | |
|--------------|-------------------------|
| A I dan II | C I, II dan III sahaja |
| B II dan III | D II, III dan IV sahaja |

12. I Ibu menjahitkan ayah sehelai baju melayu cekak musang berwarna biru.
 II Kari ayam yang baru dimasak itu telah habis dimakan adik tengah hari tadi.
 III Masyarakat yang hidup pada zaman Paleolitik suka berpindah dari satu tempat ke satu tempat.
 IV Novel yang baru dibelinya itu sudah dia baca beberapa halaman.

- | | |
|--------------|-------------------------|
| A I dan II | C I, II dan III sahaja |
| B II dan III | D II, III dan IV sahaja |

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

13. Hanis yang hanya bekerja sebagai kerani itu berbelanja mengikut kemampuan dirinya. Dia tidak mudah terpengaruh oleh gaya hidup rakan-rakannya yang kaya-raya walaupun mereka terpaksa berhutang.

Penyataan di atas sesuai dengan peribahasa berikut **kecuali** ...

- A ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
 B sikit-sikit lama-lama jadi bukit
 C biar papa asal bergaya
 D ukur baju di badan sendiri